

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK JUMAT BIN IDRIS  
[SEPANGGAR]**

**NO. SOALAN : 24**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN  
WILAYAH** menyatakan bilakah perlaksanaan projek  
bekalan air bersih yang telah dirancang semenjak  
tahun lalu di kawasan Kg. Poring-Poring dan Kg.  
Kokol akan dimulakan.

66

**JAWAPAN:**

Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan dua (2) buah projek di bawah RMKe-11, RP1 iaitu Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Kg. Kokol dan kawasan sekitarnya, Menggatal Sabah dan Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Kg. Poring-Poring dan kawasan sekitarnya, Menggatal, Sabah masih di dalam peringkat kajian perunding. Status buat masa ini adalah keperluan untuk melaksanakan kajian terperinci dan kerja-kerja siasatan tanah bagi memastikan kesesuaian kawasan sumber air yang dicadangkan. Reka bentuk terperinci dijangka dapat diselesaikan pada Disember 2017.